

## KATA GANDA PENUH (KATA ADVERBA)

61	Setelah keluar dari penjara, dia _____ insaf akan perbuatannya dulu.	
62	Budak kecil itu _____ dilanggar kereta ketika hendak menyeberangi jalan raya itu.	
63	Dia mendapak tubuh ibunya _____ setelah sedar dari mimpinya.	
64	Penjahat itu _____ melarikan diri apabila kereta ronda polis tiba.	
65	Kita tidak dibenarkan bercakap _____ ketika berada di perpustakaan.	
66	Ahmad _____ tidur ketika ibunya masuk ke dalam kamarnya.	
67	Belajarlah _____ supaya anda berjaya dalam peperiksaan kali ini.	
68	_____, dia masuk ke kamar abangnya lalu mengambil kad kredit abangnya itu.	
69	_____ sahaja saya menasihatinya kerana dia tak mengendahkan nasihat saya itu.	
70	Sebelum masuk ke ruang keberangkatan di bandara itu, dia merenung wajah ibunya _____.	

### SENARAI JAWAPAN PILIHAN

(1) cepat-cepat	(5) diam-diam	(9) sia-sia
(2) erat-erat	(6) sungguh-sungguh	(10) lama-lama
(3) nyaris-nyaris	(7) pura-pura	(11) lambat-lambat
(4) benar-benar	(8) kuat-kuat	(12) dekat-dekat

08




SILA KLIK IMEJ UNTUK KEMBALI KE LAMAN LEMBARAN KERJA

# P5

## KATA GANDA PENUH


disusun oleh:  
MOHAMED NAIM DAIPI













NAMA : .....

DARJAH : .....











TARIKH : .....



01

KATA GANDA PENUH (KATA NAMA)		
01	Pemerintah menasihati rakyat Singapura agar tidak melawat ke _____ yang dilanda kekacauan.	
02	_____ di sekolah itu turut menyertai kursus komputer.	
03	_____ yang tidak setia kepada negara akan diambil tindakan.	
04	_____ yang menipu para pelanggan boleh didakwa di mahkamah,	
05	Para pelajar madrasah itu menulis tentang _____ kehidupan yang dialami Nabi Muhammad s.a.w.	
06	Cikgu Adnan selalu menegur Karim yang selalu menggunakan _____ yang kurang sopan.	
07	Orang tua itu mencabut _____ yang tumbuh di bawah pokok itu.	
08	_____ yang bertaburan di pantai itu dipungut oleh para sukarelawan.	
09	_____ yang berambut panjang itu mengganggu orang yang lalu-lalang di situ.	
10	Pihak masjid akan membeli _____ baru untuk perpustakaanya.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) pekedai-pekedai	(5) negeri-negeri	(9) pulau-pulau
(2) cendawan-cendawan	(6) budak-budak	(10) kisah-kisah
(3) guru-guru	(7) askar-askar	(11) kitab-kitab
(4) kata-kata	(8) ajaran-ajaran	(12) sampah-sampah

02

KATA GANDA PENUH (KATA ADJEKTIF)		
51	Rumah yang didiami oleh orang-orang kaya itu _____.	
52	Makanan yang dijual di restoran itu _____ belaka.	
53	Soalan matematik di dalam ujian tadi _____.	
54	Saya masih _____ akan janjinya kerana saya pernah dibohonginya.	
55	Bunga yang sedang mekar itu _____	
56	Buku yang dipinjamnya dari perpustakaan itu _____ semuanya.	
57	Orang-orang Cina tidak melanggan restoran itu kerana makanannya _____ belaka.	
58	Sungai di negeri Indonesia itu _____.	
59	Penduduk di kampung itu memerlukan bantuan kerana hidup mereka _____ belaka.	
60	Binatang yang terdapat di taman haiwan itu _____ semuanya.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) enak-enak	(5) ganas-ganas	(9) panjang-panjang
(2) besar-besar	(6) lebat-lebat	(10) pedas-pedas
(3) ragu-ragu	(7) harum-harum	(11) jinak-jinak
(4) mudah-mudah	(8) tebal-tebal	(12) susah-susah











07

KATA GANDA PENUH (KATA KERJA)		
41	Pemuda-pemuda itu _____ di bawah pokok itu sambil berbual-bual.	
42	Setelah berbual-bual, mereka _____ di sungai yang dingin airnya itu.	
43	Selepas penat bersukaria, mereka pun _____ di atas tikar dengan berbantalkan lengan.	
44	Beberapa orang pemuda lain pula ber _____ di tepi sungai itu sambil menikmati keindahan alam.	
45	Ibu tua itu menunggu anaknya yang belum _____ sejak semalam.	
46	Ayah saya membawa adik ke klinik kerana adik _____ selepas minum susu itu.	
47	Selepas menang pertandingan itu, kami _____ di restoran itu.	
48	_____lah rumah saya kerana saya hendak melancong ke luar negeri.	
49	Kanak-kanak itu gembira ketika ber _____ di taman permainan itu.	
50	_____lah ketika anda hendak menyeberang jalan raya yang sibuk itu.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) pulang-pulang	(5) tenung-tenung	(9) jalan-jalan
(2) tengok-tengok	(6) main-main	(10) baring-paring
(3) muntah-muntah	(7) ingat-ingat	(11) duduk-duduk
(4) makan-makan	(8) dengar-dengar	(12) mandi-mandi

06

KATA GANDA PENUH (KATA NAMA)		
11	Wanita yang jelita itu memakai sepasang _____ berlian di telinganya.	
12	Bahagian yang lembik di atas kepala kita dipanggil _____.	
13	Para pelajar itu menggunakan _____ ketika belajar matematik.	
14	Budak itu menangis kerana _____nya luka tercucuk tulang ikan.	
15	_____ adik hanyut dibawa angin setelah benangnya terputus.	
16	Sesiapa sahaja yang melanggar _____ boleh diheret ke mahkamah.	
17	Dua orang _____ itu berjaya menangkap perompak yang cuba merompak sebuah bank.	
18	Salim mengukur garisan itu dengan menggunakan sebuah _____.	
19	_____ ketua mereka belum lagi muncul tetapi mereka tetap sabar menunggunya.	
20	Dia memicit-micit kepalanya sewaktu hendak menjawab soalan _____ yang susah itu.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) layang-layang	(5) mata-mata	(9) langit-langit
(2) para-para	(6) ubun-ubun	(10) kanak-kanak
(3) dekak-dekak	(7) kira-kira	(11) anting-anting
(4) bayang-bayang	(8) siku-siku	(12) undang-undang

03

KATA GANDA PENUH (KATA NAMA) - BINATANG -		
21	Cahaya _____ itu mencantikkan lagi kawasan pantai itu.	
22	Warna _____ yang hinggap di bunga itu sangat cantik.	
23	_____ itu membuat sarangnya di atas pintu itu.	
24	Dalam lumba lari itu, _____ dapat mengalahkan arnab kerana arnab tertidur.	
25	Kerusi meja itu rosak kerana dimakan _____.	
26	Kakinya bengkok-bengkok kerana digigit _____ ketika duduk di kerusi itu.	
27	Kolam itu disembur ubat serangga kerana terdapat banyak _____.	
28	Dalam upacara Korban itu, sebanyak seratus ekor kambing _____ telah disembelih.	
29	Ikan _____ yang dijumpai tersadai di tepi pantai itu telah ditolak ke tengah laut,	
30	_____ atau ubur-ubur yang hidup di tepi laut itu tidak membahayakan para pekelah.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) jentik-jentik	(5) kura-kura	(9) rama-rama
(2) ampai-ampai	(6) kupu-kupu	(10) pijat-pijat
(3) anai-anai	(7) kunang-kunang	(11) labi-labi
(4) lumba-lumba	(8) labah-labah	(12) biri-biri

04

KATA GANDA PENUH (KATA NAMA) - MAKANAN -		
31	_____ yang sedang digoreng itu berisi ikan sardin.	
32	Gigi adik sakit kerana adik suka makan _____ yang mengandungi kadar manisan yang tinggi.	
33	_____ pisang di atas meja itu untuk ayah kami.	
34	Tangannya mengigil ketika mengangkat _____ yang lembik itu.	
35	Di dalam _____ itu terdapat lontong, sayur, tempeh, tauhu, dan keropok.	
36	Penjual itu membakar _____ ikan dan udang untuk pelanggannya.	
37	Ibu menabur bijan ke atas _____ yang berintikan kacang hijau dan kelapa itu.	
38	Di atas _____ itu ada tahi minyak	
39	Setelah digoreng, _____ itu pun disira dengan gula.	
40	Kuih _____ itu dibungkus dengan daun pisang.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) gado-gado	(5) tumpi-tumpi	(9) getas-getas
(2) agar-agar	(6) gula-gula	(10) ondeh-ondeh
(3) abuk-abuk	(7) epok-epok	(11) kole-kole
(4) botok-botok	(8) jemput-jemput	(12) otak-otak

05